



BERKEMPEN: Abdullah menandatangani logo kempen sambil diperhatikan Najib pada majlis prapelancon logo kempen 'Anda Pilih ... Sengsara atau Bahagia' untuk Program Belia Benci Dadah di Jabatan Perdana Menteri di Putrajaya, semalam. Turut hadir Azalina dan Menteri Pengajian Tinggi, Datuk Dr Mohd Shafie Salleh.

Kempen galak remaja benci dadah dilancar

Pelajar IPT boleh bantu kerajaan atasi penyalahgunaan dadah

PUTRAJAYA: Golongan remaja di negara ini boleh memainkan tanggungjawab besar dalam membantu kerajaan mengatasi masalah penyalahgunaan dadah dan menjalani kehidupan yang bahagia serta bermakna tanpa dadah.

Berteraskan peringatan itu, Kementerian Belia dan Sukan serta Kementerian Pengajian Tinggi melancarkan Kempen Anda Pilih... Sengsara atau Bahagia untuk program Remaja Benci Dadah

yang akan datang.

Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, memimpin majlis prapelancon dan perasmian logo kempen itu sebelum mempengerusikan mesyuarat Kabinet di pejabatnya di sini, semalam. Turut hadir, timbalannya, Datuk Seri Najib Razak.

Menteri Belia dan Sukan, Datuk Azalina Othman Said, berkata penting remaja diberi peluang menyediakan input kritikal dan terbabit secara langsung dalam membantu

pihak berkuasa mengurangkan masalah dadah.

"Saya percaya pembabitan langsung mereka ialah faktor utama dalam mengatasi isu dadah," katanya dalam kenyataan yang dikeluarkan sempena majlis prapelancon itu di sini, semalam.

Program itu akan membabitkan semua remaja, khususnya pelajar di institusi pengajian tinggi (IPT).

Azalina berkata: "Kumpulan orang muda ini penting untuk menyampaikan mesej kepada remaja

lain. Kita mahukan golongan remaja terbabit dalam cara hidup positif dan sihat serta menjauhkan diri daripada dadah."

Pada majlis itu, Perdana Menteri turut menyampaikan surat pelantikan rakan kempen kepada wakil Kolej Universiti Kejuruteraan Utara Malaysia, Universiti Kebangsaan Malaysia dan Universiti Malaya.

Peringkat pertama kempen berkenaan dijangka berlangsung hingga akhir tahun ini. - Bernama

BH-14/11/2005

BERNAMA